

12  
Hanc Metro  
5/8/2007

## Sistem Internet canggih di UMP

**K**UANTAN: Telekom Malaysia Berhad (TM) memeterai perjanjian dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi menaik taraf kapasiti perkhidmatan litar suwa jalur lebar TM Point dari 8Mbps kepada 34Mbps.

Dengan kemudahan baru itu, UMP berupaya meningkatkan keberkesanan sistem operasinya dengan penyediaan perkhidmatan Internet di seluruh kampus termasuk di semua jabatan, Dewan kuliah dan kafeteria.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd Hil-

mei Mohd Taib berkata, perkhidmatan itu bukan sahaja untuk kemudahan warga UMP, tetapi kepada pelanggannya.

"Dengan peningkatan jalur lebar kepada 34Mbps, ia dapat mempercepat akses Internet di kalangan warga UMP termasuk untuk kegunaan pelajar dan ahli akademik.

"Ia juga membolehkan pelajar mencari bahan akademik dengan lebih cepat dan mudah manakala staf akademik pula dapat mencari bahan pengajaran dan penyelidikan," katanya.

H/metro (Setempat)

Salin 25/8/07 m/s: 23